

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (TANPA SENJATA API) DI GALERI SULTAN AZLAN SHAH, KUALA KANGSAR

LMNP/SH/14/2026

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berpengalaman dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) yang masih sah berkuat kuasa untuk menyertai sebut harga berikut:

No. Sebut Harga	Tajuk	Kod Bidang	Tarikh, Masa dan Tempat Taklimat	Tarikh Tutup
LMNP/SH/14/2026	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (Tanpa Senjata Api) di Galeri Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar	220801 (Kawalan Keselamatan)	Tarikh: 3 Jun 2026 (Rabu) (Lawatan tapak adalah wajib) Masa: 10.30 pagi Tempat: Galeri Sultan Azlan Shah	10 Jun 2026 (Rabu)

2. Untuk makluman, tuan/puan boleh mendapatkan iklan sebut harga berkenaan melalui Portal Rasmi Lembaga Muzium Negeri Perak di alamat <http://muzium.perak.gov.my>. Dokumen sebut harga akan dihantar melalui e-mel syarikat yang aktif bermula **3 Jun 2026 (Rabu) hingga 9 Jun 2026 (Selasa)** pada waktu pejabat dari jam **8.00 pagi hingga 4.30 petang** dengan menghubungi Y.M Raja Zainurainy binti Raja Ali di talian 05-7760546 atau melalui e-mel rajaainy@perak.gov.my.
3. Dokumen sebut harga dikeluarkan kepada pembekal yang sah dengan mengemukakan **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat (SSM), Sijil Akuan Pendaftaran (kod bidang yang berkaitan) dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Lesen Kementerian Dalam Negeri (KDN)**. Dokumen sebut harga diberikan secara percuma.

4. Taklimat adalah **DIWAJIBKAN**. Hanya **PENAMA** di dalam Sijil Akuan Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan (MOF) sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak atau taklimat sebut harga dan **TIDAK BOLEH** mewakilkan pegawai lain.
5. Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri ditulis nombor sebut harga di sudut atas sebelah kiri sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang dialamatkan kepada:

**PENGARAH
LEMBAGA MUZIUM NEGERI PERAK
MUZIUM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH
PERAK**

pada atau sebelum **10 Jun 2026 (Rabu)** tidak lewat dari jam **12.00** tengah hari. Dokumen sebut harga yang dikemukakan lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

6. Lembaga Muzium Negeri Perak tidak akan terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebut harga.



**Pengarah
Lembaga Muzium Negeri Perak**

26 Mei 2026